

21 FEB 2000

Mahkamah-Anwar

PERBICARAAN ANWAR DITUNDA ATAS PERMINTAAN PIHAK PEMBELA

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini ditangguhkan hingga 6 Mac untuk membolehkan pihak pembela menyediakan penghujahan mengenai kewajaran memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi keterangan.

Hakim Datuk Arifin Jaka membenarkan permohonan peguam utama pembelaan Christopher Fernando sementara Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail tidak membantah.

Fernando berkata, pihak pembelaan memerlukan masa untuk menyediakan affidavit bagi menyatakan mengapa keterangan Dr Mahathir relevan.

Pihak pembelaan juga sedang sibuk dengan persiapan bagi rayuan Anwar terhadap kes rasuah yang akan didengar di Mahkamah Rayuan pada 28 Feb.

Dr Mahathir telah disapina untuk memberi keterangan dalam perbicaraan liwat Anwar tetapi mahkamah belum memutuskan perkara itu.

"Untuk memberi keadilan kepada kedua-dua pihak, saya menangguhkan kes hingga 6 Mac," kata Ariffin.

Beliau berkata mahkamah akan menetapkan tarikh lain untuk mendengar kes itu jika kes rayuan Anwar belum selesai sebelum 6 Mac dan mengingatkan kedua-dua pihak supaya memaklumkan kepada mahkamah mengenai perkara itu.

Terdahulu, dalam permohonannya, Fernando memberitahu mahkamah bahawa pihak pembelaan memerlukan masa untuk menyediakan penghujahan bagi rayuan dan memohon kes sekarang ditangguhkan sehingga rayuan itu selesai.

Anwar, 52, dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, dituduh secara berasingan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di pangsapuri Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini pukul 7.45 malam antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma, ahli perniagaan, menghadapi satu lagi tuduhan bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan, bekas pemandu kepada isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, di tempat dan masa yang sama.

Beliau mengemukakan permohonan kepada mahkamah pada Oktober tahun lalu bagi mensapina Dr Mahathir untuk hadir sebagai saksi atas sifat peribadinya dan pada 16 Feb, Anwar juga mengemukakan permohonan untuk memanggil Perdana Menteri sebagai saksi.

Mahkamah Rayuan akan mendengar rayuan Anwar terhadap sabit kesalahan dan hukuman penjara enam tahun yang dijatuhi oleh Mahkamah Tinggi kerana menggunakan kedudukannya untuk campurtangan dalam siasatan polis terhadap dakwaan salahlaku seks ke atasnya pada April lalu.

Bekas timbalan perdana menteri itu mengemukakan notis rayuan pada 22 Mei tahun lalu yang mengandungi 29 alasan.

Pada 14 April, Hakim Datuk S. Augustine Paul menjatuhi hukuman penjara enam tahun ke atas Anwar selepas didapati bersalah terhadap empat tuduhan amalan rasuah dan mengarahkan hukuman berjalan serentak mulai tarikh itu..

Anwar dituduh mengikut Seksyen 2 (2) Ordinan Darurat 1970 yang membawa hukuman penjara maksimum 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

-- BERNAMA

NHD FAZ